

Bengkel Pelaksanaan Pembangunan Lembah Klang 2, yang dianjurkan Oleh UPEN Selangor bersama Universiti Teknologi Malaysia adalah langkah strategik yang diambil bagi memastikan pembangunan di Wilayah Lembah Klang 2 kelak berjalan lancar dan selaras dengan inspirasi masyarakat, wawasan negeri dan negara.

Bengkel ini telah dilaksanakan selama satu hari pada 23 Januari di Cyberview Lodge & Spa, Cyberjaya. Objektif bengkel adalah seperti berikut:

- * Mendapatkan pandangan dan idea daripada stakeholders mengenai corak pembangunan serta langkah-langkah bagi membangunkan WKL 2.
- * Membincangkan isu-isu pelaksanaan pembangunan di WLK 2;
- * Membincangkan kerangka governance yang berkesan bagi menguruskan pembangunan di WLK 2;
- * Memperakukan kerangka Pelan Tindakan WLK 2.

Seramai 290 orang peserta telah mengambil bahagian dalam bengkel ini termasuk wakil-wakil daripada agensi-agensi kerajaan, sektor swasta, ahli-ahli Majlis Perbandaran/Daerah, ahli politik, ahli akademik dan petubuhan-petubuhan bukan kerajaan. Aturcara bengkel meliputi Ucapan Utama dan Perasmian Oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor, diikuti oleh persembahan Video Taklimat Pembangunan Semasa WLK 2, bengkel perbincangan berkumpulan dan seterusnya pembentangan resolusi bengkel oleh setiap pengerusi kumpulan. Majlis penutup disempurnakan oleh Y.Bhg. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Perbincangan bengkel dipecahkan kepada enam kumpulan mengikut tema-tema yang ditentukan seperti berikut:

Kumpulan	Tema	Bilangan Peserta
Kumpulan 1	Persekitaran Kehidupan Yang Berkualiti	59
Kumpulan 2	Pembangunan Tenaga Manusia Yang Berkualiti Dan Berkemahiran Tinggi	29
Kumpulan 3	Galakan Dan Sokongan Kepada Pertumbuhan Business Global Dan Tempatan	48
Kumpulan 4	Infrastruktur Pengangkutan Dan Komunikasi Yang Cepak	46
Kumpulan 5	Urustadbir Yang Baik (Good Governance)	37
Kumpulan 6	<i>Equity</i> Dan Penyusunan Semula Masyarakat	71

Pada akhir sesi bengkel ini sebanyak 68 resolusi yang meliputi saranan/cadangan langkah-langkah bagi membangunkan Wilayah Lembah Klang Kedua telah dikemukakan.